



Batasan hak bersuara

Elak mengeluarkan pandangan bertentangan syarak, pecah-belah ummah

Berbeza pandangan adalah satu situasi biasa yang dilalui setiap manusia. Apa pun justifikasi yang mendorong kepada sesuatu pendapat, ia tentulah berasaskan pengetahuan seseorang, sama ada tepat atau tidak.

Meskipun ada pandangan bersifat emosi dan mentah, ia tetap hak yang boleh disuarakan dan perlu dihormati. Ini sejajar peruntukan hak asasi manusia dalam Islam yang mengizinkan setiap yang mampu berbicara supaya bersuara.

Di Malaysia, hak untuk bersuara terjamin di bawah Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan. Setiap warga Malaysia tidak

boleh dinafikan hak untuk melontarkan pandangan, melalui apa juga cara.

Walau bagaimanapun, seiring perintah hak dan tanggungjawab dalam agama yang syumul, hak bersuara di bawah Perlembagaan Negara tidaklah mutlak atau tanpa batasan. Hak individu pula terpakai selagi mana ia tidak melanggar hak seluruh ahli masyarakat.

Demi keharmonian

Justeru, hak untuk bersuara tidak dibenarkan sehingga menggadaikan keselamatan negara, menjejaskan hubungan baik dengan negara luar, menggugat keharmonian, memfitnah, menghina, bersumpah palsu dan sebagainya. Sebarang perbuatan yang menyebabkan perpecahan antara individu atau ummah adalah satu dosa.

Umat Islam harus faham terdapat banyak percanggahan timbul dalam isu hak asasi disebabkan adanya teori memisahkan agama dan undang-undang yang menjadi ikutan sesetengah pemikir hak asasi di dunia hari ini termasuklah yang beragama Islam.

Di Barat, bukan semua pemilik teori hak asasi memisahkan undang-undang

dan Tuhan, bahkan mereka sangat mengagumi teori dan perspektif hak asasi dalam Islam yang dicernakan melalui aplikasi syariah di sesetengah negara.

Berkhilaf dalam sesuatu isu adalah perkara biasa dan perdebatan yang timbul hasil daripada mencari pemurniaan sebarang perselisihan petanda bahawa umat Islam mempunyai iltizam tinggi untuk mencari kebenaran serta kesempurnaan.



Kekalkan kemuafakatan

Adakalanya tiada titik akhir yang sama dikongsi, justeru mereka berlapang dada dengan perbezaan pandangan tetapi ia bukan petanda hilang muafakat.

Contohnya, aliran pelbagai mazhab yang terdapat dalam Islam mempunyai keistimewaan masing-masing yang harus diteladani umat Islam hari ini. Mereka harus mempelajari bagaimana ilmuwan dulu menghormati pandangan orang lain selagi mana ia berasaskan ilmu bukannya nafsu.

Pada waktu itu, tiada siapa merasakan mereka lebih bijak atau tepat berbanding yang lainnya tetapi setiap pandangan adalah bersumberkan wahyu Allah dan

sunnah Rasulullah, tanpa dibelenggu faktor atau kepentingan peribadi.

Bahkan Rasulullah SAW mengingatkan umatnya supaya bersifat tawaduk dan rendah diri. Sabda Rasulullah SAW: "Sesungguhnya Allah telah memberi wahyu kepada Aku yang memerintahkan supaya kamu semua bersifat tawaduk sehingga tidak ada seseorang pun merasa dirinya megah (lebih bangga diri) dari orang lain dan tidak boleh seseorang itu menzalimi dan melampaui batas terhadap orang lain." (Riwayat Muslim)

Salah guna hak bersuara

Malangnya, terdapat dalam kalangan kita cuba menolak doktrin agama dalam memperjuangkan hak sehingga sanggup menolak fatwa dan ijihad lalu menggunakan logik akal untuk meyakinkan orang lain hak yang perlu diperjuangkan setiap manusia sedangkan hakikatnya ia melampaui syarak.

Hak bersuara disalah guna untuk memburukkan agama dan ahlinya sehingga menimbulkan keributan dalam kalangan orang awam. Demi mencari titik persamaan, kebebasan bersuara haruslah dimanfaatkan sebaik-baiknya sewaktu berbeza pandangan.

Kita perlu cuba berlapang dada dengan pendapat yang tidak menyokong pandangan kita serta sedia menerima kritikan terhadap cetusan idea dilahirkan. Tiadanya perbincangan bukan bermakna adanya keratuan, bahkan ia menimbulkan keraguan terhadap sesuatu keputusan.

Manakala di pihak yang berbeza pandangan, tutur kata mulia perlulah dijadikan asas penyampaian kerana jika maksud yang ingin disampaikan bertujuan membina kehidupan lebih baik, ia tidak perlu ditokok tambah dengan sumpah seranah dan fitnah.

Walaupun kebal dengan undang-undang, syarak tidak pernah membenarkan manusia tergelincir daripada landasan.

Penulis ialah Penyelaras Unit Penerbitan, Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)



NIK SALIDA SUHAILA NIK SALEH